



## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LANJUTAN MASA PENDAFTARAN GADAIAN, PEMBETULAN DAN/ATAU PINDAAN MAKLUMAT GADAIAN (TERMASUK PEMBATALAN GADAIAN) DI BAWAH SEKSYEN 361 AKTA SYARIKAT 2016**

---

Garis Panduan ini dikeluarkan menurut Seksyen 20C Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Pindaan) 2015.

### **TUJUAN**

2. Garis panduan ini adalah untuk memberi panduan berhubung prosedur di bawah Seksyen 361 Akta Syarikat 2016 (selepas ini dirujuk sebagai "AS 2016") untuk permohonan-permohonan berikut:
  - a) Permohonan lanjutan masa serah simpan pendaftaran gadaian bagi borang-borang seperti berikut (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai "borang gadaian"):
    - i. Borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" (S.352(1), 354 & 356(1) AS 2016);
    - ii. Borang "*Statement Containing Particulars of a Series of Debentures*" (S.355(1) & (2) AS 2016); dan
    - iii. Borang "*Particulars When More Than One Issue Is Made of Debentures In A Series*" (S.355(2) & (3) AS 2016).
  - b) Pembetulan dan/atau pindaan kepada maklumat gadaian atau pelepasan gadaian yang telah didaftarkan di pejabat Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan

- c) Pembatalan borang dan rekod gadaian yang berada dalam simpanan pejabat Pendaftar Syarikat SSM.

## PENGENALAN

3. Seksyen 352, 354 dan 356 AS 2016 memperuntukkan bahawa mana-mana syarikat yang mewujudkan gadaian ke atas hartanya atau perolehan harta yang tertakluk kepada gadaian sedia ada, hendaklah membuat serah simpan dengan Pendaftar Syarikat SSM borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" mengikut bentuk dan cara yang ditetapkan oleh Pendaftar Syarikat SSM bersama fi yang ditetapkan (seperti yang ditetapkan dalam Butiran 24, Jadual 8, Peraturan-Peraturan Syarikat 2017) dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh gadaian itu diwujudkan bagi tujuan pendaftaran.
4. Seksyen 355 (1) dan (2) AS 2016 turut memperuntukkan bahawa syarikat yang mewujudkan gadaian dalam siri "*debenture*" hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar Syarikat SSM, borang "*Statement of Particulars of Series of Debentures*" dan borang "*Particulars When More Than One Issue Is Made of Debentures In A Series*" bersama fi yang ditetapkan (seperti yang ditetapkan dalam Butiran 24, Jadual 8, Peraturan-Peraturan Syarikat 2017) dan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penyempurnaan suratcara yang mengandungi maklumat gadaian tersebut untuk tujuan pendaftaran.
5. Jika lebih daripada satu keluaran dibuat bagi borang "*Statement of Particulars of Series of Debentures*", borang "*Particulars When More Than One Issue Is Made of Debentures In A Series*" dengan butir-butir tarikh dan amaun setiap keluaran hendaklah diserah simpan dalam masa tiga puluh (30) hari dari setiap keluaran.
6. Sekiranya, pihak syarikat atau pihak yang berkepentingan ("*interested party*") gagal untuk membuat serah simpan pendaftaran gadaian tersebut dalam tempoh yang diperuntukkan di dalam AS 2016, maka pihak tersebut hendaklah mendapatkan perintah Mahkamah Tinggi bagi tujuan lanjutan masa di bawah Seksyen 361 AS 2016.
7. Sekiranya terdapat pembetulan dan/atau pindaan kepada maklumat gadaian atau pelepasan gadaian (termasuk pembatalan gadaian) yang didaftarkan, syarikat atau pihak yang berkepentingan ("*interested*

*party*") juga perlu mendapatkan perintah Mahkamah Tinggi di bawah Seksyen 361 AS 2016.

8. Pendaftar Syarikat SSM selaku badan kawal selia kepada AS 2016 hendaklah dinamakan sebagai pihak "Defendant" dalam mana-mana permohonan di atas. Pendaftar Syarikat SSM bertanggungjawab untuk memberi kesan kepada perintah yang akan diberikan oleh Mahkamah. Oleh itu, kertas kausa permohonan perlu diserahkan kepada Pendaftar Syarikat SSM bagi tujuan semakan dan penelitian samada Pendaftar Syarikat SSM mempunyai sebarang bantahan atau tidak terhadap permohonan yang dipohon.

## **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

9. Permohonan untuk lanjutan masa pendaftaran gadaian atau pembetulan dan/atau pindaan maklumat gadaian yang telah didaftarkan (termasuk pembatalan gadaian) hendaklah dibuat di Mahkamah Tinggi menurut peruntukan Seksyen 361 Akta Syarikat 2016 dan Aturan 88 Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ("KKM 2012").

### **" Pelanjutan masa dan pembetulan daftar gadaian**

**361. Mahkamah, setelah berpuas hati bahawa peninggalan untuk mendaftar suatu gadaian, sama ada di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang bersamaan, dalam masa yang dikehendaki atau bahawa peninggalan atau pernyataan silap tentang apa-apa butir berkenaan dengan mana-mana gadaian butir-butir atau dalam memorandum penyelesaian adalah tidak disengajakan atau disebabkan kelalaian atau disebabkan beberapa sebab lain yang mencukupi atau tidak bersifat menjelaskan kedudukan pemutang atau pemegang syer atau bahawa atas alasan lain adalah adil dan saksama untuk memberikan relief, boleh, atas permohonan syarikat atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dan mengikut apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan adil dan suai manfaat oleh Mahkamah, termasuk suatu terma atau syarat bahawa pelanjutan atau pembetulan adalah tanpa menjelaskan**

**apa-apa liabiliti yang dilakukan oleh syarikat atau mana-mana pegawai syarikat berkenaan dengan keingkaran, memerintahkan supaya masa bagi pendaftaran dilanjutkan atau supaya peninggalan atau pernyataan silap itu dibetulkan.”**

**“ Aturan 88 Kaedah 2, KKM 2012:**

**Kecuali bagi prosiding yang dinyatakan dalam Lampiran C berhubung dengan penggulungan syarikat dan pengurangan modal di bawah Akta in, prosiding di bawah Akta hendaklah dimulakan dengan Saman Pemula.”**

10. Menurut Aturan 88 Kaedah 2, KKM 2012 permohonan selain daripada prosiding penggulungan syarikat dan pengurangan modal syarikat hendaklah dimulakan dengan Saman Pemula. Justeru, permohonan untuk lanjutan masa serah simpan pendaftaran gadaian dan permohonan untuk membetulkan maklumat gadaian syarikat dan penyelesaian syarikat yang telah didaftarkan (termasuk pembatalan gadaian) hendaklah dimulakan dengan Saman Pemula (“*Originating Summons*”). Saman Pemula ini hendaklah disokong dengan Afidavit Sokongan yang menjelaskan alasan dan bukti untuk menyokong permohonan. Pihak yang memohon dinamakan sebagai “Plaintif”.

**A. Permohonan lanjutan masa serah simpan pendaftaran gadaian bagi borang-borang seperti berikut;**

- i. Borang “*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*” (S.352(1), 354 dan 356(1) AS 2016);
- ii. Borang “*Statement Containing Particulars of a Series of Debentures*” (S.355(1) dan (2) AS 2016); dan
- iii. Borang “*Particulars When More Than One Issue Is Made of Debentures In A Series*” (S.355(2) dan (3) AS 2016)

11. Bagi permohonan lanjutan masa serah simpan pendaftaran gadaian yang berkaitan, Plaintiff hendaklah menyatakan dengan jelas di bahagian tajuk (“*intitulmen*”) dan pohongan (“*prayers*”) Saman Pemula butiran nama pihak-pihak yang terlibat dengan gadaian, nombor pendaftaran syarikat yang baru dan lama, tarikh kewujudan gadaian,

instrumen gadaian yang terlibat dan aset yang dicagarkan ke atas gadaian tersebut. Bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan gadaian antara pihak-pihak seperti perjanjian kewujudan gadaian, Borang 16A atau lain-lain bukti berkaitan gadaian yang diwujudkan hendaklah diekhibitkan di dalam Afidavit Sokongan. Borang pendaftaran gadaian tersebut hendaklah diserah simpan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM dalam tempoh 30 hari dari tarikh perintah.

12. Kos pentadbiran sebanyak RM300.00 hendaklah dibayar oleh Plaintiff kepada Pendaftar Syarikat SSM dalam tempoh 30 hari dari tarikh perintah dan dimasukkan sebagai salah satu pohonan ("prayer") dalam Saman Pemula.

**B. Pembetulan dan/atau pindaan kepada maklumat gadaian atau pelepasan gadaian yang telah didaftarkan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM**

13. Bagi permohonan pembetulan dan/atau pindaan maklumat gadaian dan pelepasan gadaian yang telah didaftarkan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM, Plaintiff hendaklah menyatakan dengan jelas di bahagian tajuk ("intitulmen") dan pohonan ("prayers") Saman Pemula, nombor pendaftaran syarikat yang baru dan lama, butiran nama pihak-pihak yang terlibat dengan gadaian, tarikh borang yang hendak dipinda dan/atau diperbetulkan serta nombor pendaftaran gadaian. Selanjutnya, Plaintiff juga perlu menyatakan perkara yang hendak dipinda daripada apa kepada apa secara terperinci. Bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan gadaian antara pihak-pihak seperti perjanjian kewujudan gadaian, Borang 16A atau lain-lain bukti berkaitan gadaian yang diwujudkan hendaklah diekhibitkan di dalam Afidavit Sokongan.
14. Sekiranya terdapat pindaan dan/atau pembetulan maklumat kepada borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" dan borang-borang berkaitan yang telah didaftarkan, Plaintiff perlu menyediakan borang gadaian pindaan yang mana ianya hendaklah diserah simpan bersama perintah mahkamah termeterai. Di ruangan atas kanan borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" yang dipinda tersebut hendaklah ditulis perkataan berikut "*Filed by way of amendment to item (xxxxx) of the*" (*sila nyatakan butiran item yang dipinda. Cth: "Statement of Particulars to be Lodged*

*with Charge) dated dd/mm/yyyy by way of Court Order dated dd/mm/yyyy".*

15. Borang pindaan serta perintah mahkamah termeterai perlu diserah simpan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah. Tarikh borang pindaan yang akan diserah simpan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM hendaklah diletakkan tarikh semasa.
16. Kos pentadbiran sebanyak RM300.00 hendaklah dibayar oleh Plaintiff kepada Pendaftar Syarikat SSM dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah dan dimasukkan sebagai salah satu pohongan ("prayer") dalam Saman Pemula.

**C. Pembatalan borang dan rekod gadaian yang telah diserah simpan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM.**

17. Bagi permohonan untuk membatalkan borang dan rekod gadaian yang telah didaftarkan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM, Plaintiff hendaklah menyatakan dengan jelas di bahagian tajuk ("intitulmen") dan pohongan ("prayers") Saman Pemula seperti berikut;
  - butiran nama pihak-pihak yang terlibat dengan gadaian;
  - nombor pendaftaran syarikat yang baru dan lama;
  - tarikh dan nama borang yang hendak dibatalkan;
  - nama "*chargor*" dan "*chargee*";
  - tarikh kewujudan gadaian;
  - tarikh dokumen yang hendak dibatalkan;
  - nombor pendaftaran gadaian; dan
  - alasan pembatalan gadaian.
18. Bukti-bukti yang menunjukkan kewujudan gadaian antara pihak-pihak seperti perjanjian kewujudan gadaian, Borang 16A atau lain-lain bukti berkaitan gadaian yang diwujudkan hendaklah diekhibitkan di dalam Afidavit Sokongan.
19. Apa-apa sijil asal yang berkaitan dengan gadaian yang hendak dibatalkan hendaklah dimajukan bersama perintah mahkamah termeterai kepada pejabat Pendaftar Syarikat SSM bagi tujuan pengecopan 'Batal'.

20. Kos pentadbiran sebanyak RM300.00 hendaklah dibayar oleh Plaintiff kepada Pendaftar Syarikat SSM dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah dan dimasukkan sebagai salah satu pohonan ("*prayer*") dalam Saman Pemula.

## **LAMPIRAN**

1. Berikut adalah contoh-contoh "Kertas Kausa" untuk permohonan seperti berikut:

**Lampiran A** – Saman Pemula dan Afidavit Sokongan bagi permohonan lanjutan masa serah simpan borang gadaian seperti berikut;

- a) Borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" (S.352(1), 354 dan 356(1) AS 2016);
- b) Borang "*Statement Containing Particulars of a Series of Debentures*" (S.355(1) dan (2) AS 2016); dan
- c) Borang "*Particulars When More Than One Issue Is Made of Debentures In A Series*" (S.355(2) dan (3) AS 2016).

**Lampiran B** – Saman Pemula dan Afidavit Sokongan bagi permohonan pembetulan dan/atau pindaan Kepada maklumat gadaian

**Lampiran C** - Saman Pemula dan Afidavit Sokongan bagi permohonan pembatalan maklumat gadaian dan borang-borang yang didaftarkan

# **LAMPIRAN**

## **A**

**(SAMAN PEMULA BAGI LANJUTAN MASA  
SERAH SIMPAN BORANG "STATEMENT OF  
PARTICULARS TO BE LODGED WITH CHARGE")**

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA  
[BAHAGIAN DAGANG]**

**SAMAN PEMULA NO.\_\_\_\_\_**

Dalam perkara lanjutan masa serah simpan borang "Statement of Particulars to be Lodged with Charge" bagi Gadaian bertarikh dd/mm/yyyy yang diwujudkan antara syarikat ABC SDN BHD (nama penggadai) (No. Syarikat: xxxxxxx)(masukkan nombor syarikat baru dan lama) dan Bank XXXX BERHAD (nama pemegang gadaian) (No. Syarikat : xxxxxx)(masukkan nombor syarikat baru dan lama)

Dan

Dalam perkara mengenai (sila nyatakan seksyen yang terlibat) dan Seksyen 361 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara mengenai Aturan 88 Kaedah 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

ANTARA

**ABC SDN BHD (NO.SYARIKAT : XXX) /  
BANK (NO. SYARIKAT)(masukkan nombor syarikat baru dan lama)**

**... PLAINTIF**

**DAN**

**PENDAFTAR SYARIKAT  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

**...DEFENDAN**

**SAMAN PEMULA**

Benarkan Defendan yang beralamat di Menara SSM @ Sentral, No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur hadir di hadapan Yang Arif Hakim Dalam Kamar pada ..... , 2020 jam ..... pagi/petang untuk mendengar permohonan oleh Plaintiff untuk perintah-perintah seperti berikut: -

1. Bahawa Plaintiff diberikan lanjutan masa selama tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah ini untuk menyerah simpan borang "*Statement of Particulars to be Lodged With Charge*" (atau sila nyatakan borang gadaian yang berkaitan) dengan Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi gadaian bertarikh dd/mm/yyyy antara syarikat (sila nyatakan nama "Chargor" dengan nombor pendaftaran syarikat yang baru dan lama) dengan XXXXX (sila nyatakan nama "Chargee" dengan nombor syarikat yang baru dan lama) melalui (sila nyatakan dokumen/instrumen gadaian yang digunakan) ke atas aset yang dicagarkan iaitu (sila nyatakan butiran aset yang dicagarkan);
2. Bahawa sesalinan perintah termeterai bersama dengan borang "*Statement of Particulars to be Lodged With Charge*" (atau sila nyatakan borang gadaian yang berkaitan) tersebut hendaklah diserah simpan oleh Plaintiff dengan Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perintah;
3. Kos pentadbiran sebanyak RM300.00 dibayar oleh Plaintiff kepada Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah ini; dan
4. Lain-lain perintah atau relif yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Alasan-alasan permohonan ini adalah seperti berikut:-

1. Senaraikan dan nyatakan alasan-alasan permohonan lanjutan masa dibuat.

### **AFIDAVIT SOKONGAN**

1. Bagi permohonan lanjutan masa serah simpan "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*", Saman Pemula hendaklah disokong dengan Afidavit Sokongan dan mengekhibitkan bukti-bukti kewujudan gadaian antara pihak-pihak seperti perjanjian gadaian, Borang 16A, Surat Tawaran atau lain-lain bukti berkaitan gadaian yang diwujudkan tersebut dan alasan serta sebab lanjutan masa dipohon.

# **LAMPIRAN**

## **B**

**(SAMAN PEMULA BAGI PEMBETULAN  
DAN/ATAU PINDAAN KEPADA MAKLUMAT  
BORANG "*STATEMENT OF PARTICULARS TO BE  
LODGED WITH CHARGE*")**

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA**

**[BAHAGIAN DAGANG]**

**SAMAN PEMULA NO.\_\_\_\_\_**

Dalam perkara borang "Statement of Particulars to be Lodged with Charge" bertarikh dd/mm/yyyy diwujudkan antara syarikat ABC SDN BHD (No. Syarikat: XXX)(masukkan nombor syarikat baru dan lama) dan Bank XXXX BERHAD (No. Syarikat: XXX)(masukkan nombor syarikat baru dan lama) yang didaftarkan sebagai gadaian no. xxx (masukkan nombor pendaftaran gadaian)

Dan

Dalam perkara mengenai Seksyen 352 (seksyen yang terlibat) dan Seksyen 361 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara mengenai Aturan 88 Kaedah 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

**ANTARA**

**ABC SDN BHD (NO.SYARIKAT : XXX)  
/ BANK (NO.SYARIKAT : XXX)(masukkan nombor syarikat baru dan lama)  
...PLAINTIF**

DAN

**PENDAFTAR SYARIKAT  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

**...DEFENDAN**

**SAMAN PEMULA**

Benarkan Defendan yang beralamat di Menara SSM @ Sentral, No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur hadir di hadapan Yang Arif Hakim Dalam Kamar pada ..... , 2020 jam ..... pagi/petang untuk mendengar permohonan oleh Plaintiff untuk perintah-perintah seperti berikut : -

1. Plaintiff diberikan kebenaran untuk meminda butiran xx (masukkan nombor butiran yang hendak dipinda) borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" bertarikh dd/mm/yyyy bagi gadaian yang telah diwujudkan oleh syarikat ABC Sdn Bhd (masukkan nombor syarikat lama dan baru) terhadap Bank XXXX Berhad (masukkan nombor syarikat lama dan baru) dan didaftarkan sebagai gadaian no.xx (masukkan nombor gadaian) seperti berikut:-

Butiran xx Penyata butir gadaian "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" bertarikh dd/mm/yyyy dipinda:

dari:

---

---

kepada:

---

---

2. Borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" terpinda tersebut serta perintah termeterai hendaklah diserah simpan oleh Plaintiff dengan Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah ini;

3. Kos pentadbiran sebanyak RM300.00 dibayar oleh Plaintiff kepada Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah ini; dan
4. Lain-lain perintah atau relif yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Alasan-alasan permohonan ini adalah:-

1. Senaraikan dan nyatakan alasan-alasan permohonan dibuat.

### **AFIDAVIT SOKONGAN**

1. Bagi permohonan meminda borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*", Saman Pemula hendaklah disokong dengan Afidavit Sokongan dan mengekshibitkan borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" yang telah diserah simpan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM, Sijil Perakuan Pendaftaran Gadaian, cadangan pindaan borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*", surat persetujuan pemegang gadaian dan dokumen sekuriti yang berkaitan serta alasan dan sebab pindaan dibuat.

# **LAMPIRAN**

## **C**

**(SAMAN PEMULA BAGI PEMBATALAN BORANG  
"STATEMENT OF PARTICULARS TO BE LODGED  
WITH CHARGE")**

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR  
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN, MALAYSIA**

**[BAHAGIAN DAGANG]**

**SAMAN PEMULA NO.\_\_\_\_\_**

Dalam perkara mengenai pembatalan borang "Statement of Particulars to be Lodged with Charge" bertarikh dd/mm/yyyy berkaitan gadaian yang diwujudkan antara syarikat ABC SDN BHD (NO. SYARIKAT: XXX)(masukkan nombor syarikat baru dan lama) dan Bank xxxx (NO. SYARIKAT: XXX)(masukkan nombor syarikat baru dan lama) sebagai pemegang gadaian yang didaftarkan sebagai gadaian no. xxx (nyatakan nombor pendaftaran gadaian);

Dan

Dalam perkara Sijil Perakuan Gadaian bertarikh dd/mm/yyyy bagi gadaian no. xx (nyatakan nombor pendaftaran gadaian)

Dan

Dalam perkara mengenai (sila nyatakan seksyen yang berkenaan) Seksyen 352 dan Seksyen 361 Akta Syarikat 2016

Dan

Dalam perkara mengenai Aturan  
88 Kaedah 2 Kaedah-Kaedah  
Mahkamah 2012

ANTARA

**ABC SDN BHD (NO.SYARIKAT : XXX)/  
BANK (NO.SYARIKAT : XXX)(masukkan nombor syarikat yang baru  
dan lama)** ... PLAINTIF

DAN

**PENDAFTAR SYARIKAT  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

...DEFENDAN

**SAMAN PEMULA**

Benarkan Defendan yang beralamat di Menara SSM @ Sentral, No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur hadir di hadapan Yang Arif Hakim Dalam Kamar pada ..... , 2020 jam ..... pagi/petang untuk mendengar permohonan oleh Pemohon/Plaintif untuk perintah-perintah seperti berikut : -

1. Plaintiff diberi kebenaran untuk membatalkan borang "Statement of Particulars to be Lodged with Charge" bertarikh dd/mm/yyyy yang didaftarkan sebagai gadaian no. xx berkenaan dengan gadaian bertarikh dd/mm/yyyy yang diwujudkan antara syarikat ABC Sdn Bhd (No. Syarikat: XXXX)(masukkan nombor syarikat yang baru dan lama) sebagai penggadai dan Bank xxxx (No. Syarikat: XXXX)(masukkan nombor syarikat yang baru dan lama) sebagai pemegang gadaian dan seterusnya Defendan hendaklah membatalkan Sijil Perakuan Gadaian bertarikh dd/mm/yyyy bagi gadaian yang didaftarkan dengan pendaftaran no. xx (nyatakan nombor gadaian yang telah didaftarkan);
  
2. Perintah termeterai pembatalan borang "Statement of Particulars to be Lodged with Charge" bertarikh dd/mm/yyyy hendaklah diserah

simpan oleh Plaintiff dengan Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah ini;

3. Kos pentadbiran sebanyak RM300.00 dibayar oleh Plaintiff kepada Pendaftar Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perintah ini;
4. Lain-lain perintah atau relif yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Alasan-alasan permohonan ini adalah:-

1. Senaraikan dan nyatakan alasan-alasan permohonan dibuat.

### **AFIDAVIT SOKONGAN**

1. Bagi permohonan pembatalan borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*", Saman Pemula hendaklah disokong dengan Afidavit Sokongan dan mengekshibitkan borang "*Statement of Particulars to be Lodged with Charge*" yang telah diserah simpan di pejabat Pendaftar Syarikat SSM, Sijil Perakuan Pendaftaran Gadaian serta alasan dan sebab pembatalan dibuat.

Garis Panduan ini disediakan oleh:

Seksyen Litigasi

Bahagian Pendakwaan & Litigasi

Pendaftar Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia

Tarikh : 30 September 2020